

Operasi *Sook Ching* dan Kekejaman Tentera Jepun terhadap Masyarakat Cina di Johor pada Zaman Pendudukan Jepun

Sook Ching Operation and the Atrocities of the Japanese Army Against the Chinese Community in Johor during the Japanese Occupation

Lee Wai Keat

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding author: leewaikeat93@yahoo.com

Received: 30 September 2024; Accepted: 17 June 2025

Abstrak

Sook Ching, yang bermaksud "pembersihan" dalam bahasa Cina, adalah satu operasi yang dilaksanakan untuk menghapuskan elemen-elemen yang dianggap anti-Jepun dalam kalangan masyarakat Cina di Tanah Melayu semasa pendudukan Jepun. Operasi ini memperlihatkan pelbagai bentuk kekejaman, termasuk pembunuhan beramai-ramai, penyeksaan dan keganasan yang dilakukan oleh tentera Jepun terhadap masyarakat Cina. Singapura yang merupakan tempat bermulanya Operasi *Sook Ching* telah menjadi tumpuan para pengkaji yang mengkaji peristiwa tersebut. Walau bagaimanapun, pelibatan masyarakat Cina di Johor dalam gerakan anti-Jepun menyebabkan mereka turut menjadi sasaran dalam Operasi *Sook Ching*. Kajian ini memberi fokus kepada faktor-faktor yang mendorong pelaksanaan *Sook Ching*, seperti penentangan masyarakat Cina terhadap Jepun melalui gerakan nasionalisme yang kuat, sokongan kepada China dalam menentang Jepun dan tindak balas Jepun terhadap aktiviti anti-Jepun di Johor. Selain itu, kajian ini turut meneliti peringatan dan penyiasatan pasca perang terhadap kekejaman *Sook Ching* di Johor, termasuk usaha-usaha menuntut keadilan bagi mangsa yang terkorban. Kajian ini dilakukan melalui penelitian ke atas pelbagai sumber primer dalam bahasa Cina yang telah diterbitkan, akhbar bahasa Cina dan sumber sekunder yang lain. Penggunaan sumber bahasa Cina yang jarang digunakan dalam kajian lalu dapat memberikan perspektif yang lebih mendalam dan menyeluruh terhadap pengalaman masyarakat Cina di Johor.

Kata kunci: *Sook Ching*, pendudukan Jepun, kekejaman perang, masyarakat Cina, Johor

Abstract

Sook Ching, which means "purge" in Chinese, was an operation carried out to eliminate elements deemed anti-Japanese within the Chinese community in British Malaya during the Japanese occupation. This operation involved various forms of atrocities, including mass killings, torture and violence committed by the Japanese army against the Chinese population. Singapore, where the *Sook Ching* Operation began, has long been the main focus of scholars studying this event. However, the involvement of the Chinese community in Johor in anti-Japanese movements also made them targets of *Sook Ching*. This study focuses on the factors

that led to the implementation of Sook Ching, such as the strong nationalist resistance of the Chinese community against Japan, their support for China's war effort against Japan and the Japanese response to anti-Japanese activities in Johor. Additionally, this study examines post-war remembrance and investigations into the atrocities of Sook Ching in Johor, including efforts to seek justice for the victims. The research is based on an analysis of various published Chinese-language primary sources, Chinese newspapers and other secondary sources. The use of Chinese-language sources, which were rarely utilised in past studies, offers a deeper and more comprehensive perspective on the experiences of the Chinese community in Johor.

Keyword: *Sook Ching*, Japanese occupation, war atrocities, Chinese community, Johor

Pengenalan

Pembunuhan beramai-ramai *Sook Ching* merupakan salah satu episod paling kejam semasa Perang Dunia Kedua yang memberi kesan kepada masyarakat Cina di Tanah Melayu dan Singapura. *Sook Ching* yang bermaksud pembersihan atau penyingkiran dalam bahasa Cina merupakan pelaksanaan pemeriksaan beramai-ramai yang melibatkan masyarakat Cina. Operasi ini turut bermaksud pembersihan melalui penghapusan (*purification by elimination*) (Tan 2019, 53). Istilah ini menggambarkan sejauh mana tentera Jepun berazam mematahkan penentangan dan mengukuhkan kawalan di wilayah yang dikuasai. Operasi *Sook Ching* bermula di Singapura pada bulan Februari 1942 dan diperluaskan ke negeri-negeri Melayu (Cheah 2012, 21). Singapura menerima kesan yang teruk daripada operasi ini. Maka, Singapura menjadi tumpuan kajian para pengkaji berkaitan operasi tersebut (Blackburn 2000, 73-75). Kajian mengenai Operasi *Sook Ching* di negeri-negeri Melayu lain masih terhad, malah kebanyakannya hanya menyentuhnya secara sepintas lalu dan sekadar menyatakan bahawa operasi tersebut turut diperluaskan ke negeri-negeri berkenaan (Akashi 1970, 71; Blackburn dan Hack 2012, 136-142; Cheah 2012, 21-23; Kratoska 2018, 98-102). Terdapat juga kajian yang berfokus pada negeri lain. Misalnya, kajian Tan Chee Seng mengisahkan kes Sekolah Menengah Chung Ling sebagai sebahagian daripada Operasi *Sook Ching* di Pulau Pinang (Tan 2019). Kajian Patricia Lim Pui Huen tentang Johor pula lebih memberikan penekanan terhadap monumen dan peringatan sejarah perang berbanding Operasi *Sook Ching* di negeri tersebut (Lim 2000, 144-148).

Dalam kajian ini, penulis akan membincangkan Operasi *Sook Ching* di salah sebuah negeri Melayu iaitu Johor. Di Johor, masyarakat Cina telah lama menunjukkan sentimen nasionalisme yang kuat dan sokongan aktif terhadap penentangan China terhadap pencerobohan Jepun. Hal ini melibatkan beberapa usaha terancang seperti penubuhan tabung bantuan perang dan pelbagai gerakan anti-Jepun. Semangat nasionalisme yang berkobar-kobar dan penentangan aktif oleh masyarakat Cina di Johor menjadikan mereka sasaran utama bagi Jepun yang melihat aktiviti-aktiviti ini sebagai ancaman besar terhadap dominasi mereka. Pelaksanaan Operasi *Sook Ching* di Johor memperlihatkan kekejaman termasuk pembunuhan beramai-ramai, penyeksaan dan keganasan sewenang-wenangnya terhadap orang awam. Operasi ini melangkaui matlamatnya yang dinyatakan untuk menyasarkan elemen anti-Jepun dan mengakibatkan kematian ribuan lelaki, wanita dan kanak-kanak Cina yang tidak bersalah. Dalam kajian ini, penulis akan mengupas faktor-faktor yang membawa kepada pelaksanaan operasi *Sook Ching* di Johor, meneliti kaedah kejam yang digunakan oleh tentera Jepun dan membincangkan isu keadilan dan peringatan tentang operasi ini di Johor.

Faktor Pelaksanaan Operasi Sook Ching Di Johor

Menurut Cheah Boon Kheng, terdapat tiga objektif yang ingin dicapai Jepun menerusi Operasi *Sook Ching* (Cheah 2002, 97). Jepun berusaha mengenal pasti dan menghapuskan elemen-elemen dalam masyarakat Cina yang menimbulkan ancaman langsung terhadap kawalan mereka. Hal ini termasuk individu yang mungkin menentang atau menggugat kuasa Jepun. Operasi ini menyasarkan sesiapa saja yang dianggap berpotensi menggugat pemerintahan Jepun, seperti mereka yang telah menunjukkan permusuhan atau penentangan terhadap pemerintahan Jepun. Selain itu, operasi ini bertujuan menghukum kumpulan dan individu yang terlibat dalam gerakan anti-Jepun sebelum dan semasa perang. Ramai orang Cina di Tanah Melayu aktif dalam gerakan anti-Jepun. Mereka mengatur mogok, memboikot barang-barang Jepun dan mengumpul dana untuk menyokong China dalam perangnya melawan Jepun. Jepun melihat aktiviti-aktiviti ini sebagai tindakan pembangkangan dan berusaha untuk membalas dendam terhadap mereka yang terlibat. Operasi *Sook Ching* juga dilaksanakan untuk memaksa pemberian 'hadiah pendamaian' sebanyak 50 juta Yen. Pentadbiran Jepun menuntut sumbangan kewangan yang besar dari masyarakat Cina. Tuntutan ini pada dasarnya bertujuan untuk menghukum dan menundukkan orang Cina supaya tidak lagi menjadi ancaman kepada Jepun (Cheah 2002, 97).

Masyarakat Cina di Johor telah menunjukkan semangat nasionalisme yang tinggi terhadap negara China. Semangat nasionalisme inilah yang mempengaruhi semangat anti-Jepun mereka. Berikutan peristiwa Jambatan Marco Polo pada 7 Julai 1937, Johor menjadi negeri pertama yang menubuhkan tabung bantuan perang pada 18 Julai 1937 (Roufo Huaqiao Chouzheng Zuguo Nanmin Zonghui 1984, 74). Hal ini menunjukkan keprihatinan dan reaksi pantas masyarakat Cina di Johor terhadap masalah yang melanda tanah air mereka. Tabung Bantuan Perang Negara China di Johor melibatkan sembilan cawangan, iaitu di Muar, Batu Pahat, Johor Bahru, Kluang, Segamat, Kota Tinggi, Pontian, Mersing dan Benut. Di setiap kawasan cawangan ini pula ditubuhkan sub-cawangan untuk melancarkan Gerakan Penyelamatan Nasional. Jumlah sub-cawangan yang diwujudkan di negeri Johor adalah sebanyak kira-kira 134 buah.

Program utama cawangan-cawangan ini adalah pengutipan derma dan pengumpulan dana yang akan disalurkan untuk menyokong usaha perang di China. Terdapat pelbagai jenis kutipan dana yang diwujudkan. Antaranya adalah derma bulanan (*changyue juan*); derma hasil tempatan (*tuchan juan*) iaitu kutipan berdasarkan keluasan ladang atau jumlah hasil yang diusahakan; derma khas sementara (*linshi tebie juan*) iaitu sumbangan berdasarkan keperluan semasa; derma dalam bentuk sumbangan (*baoxiao juan*) iaitu sumbangan dalam bentuk tenaga manusia atau kebendaan; derma wang (*xianjin*) seperti wang yang diijmakan dalam upacara perkahwinan atau kematian; derma jualan bunga dan barangan (*maihua maiwu juan*) iaitu hasil jualan sempena perayaan; derma penebusan (*huiguo juan*) iaitu derma yang diberikan sebagai penebusan untuk tindakan yang tidak patriotik seperti menjual beli produk Jepun (Roufo Huaqiao Chouzheng Zuguo Nanmin Zonghui 1984, 76).

Tabung Bantuan Perang Negara China di Johor telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Misalnya, sehingga awal tahun 1940, cawangan Johor Bahru berjaya mengutip S\$246,565.53; cawangan Mersing S\$28,002.34; cawangan Kota Tinggi S\$98,916.03; cawangan Pontian S\$163,157.06; cawangan Benut S\$49,998.41; cawangan Kluang S\$277,918.19; cawangan Segamat S\$211,915.64; cawangan Batu Pahat S\$558,922.18 dan cawangan Muar S\$612,715.13 (Xinshan Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 1984, 81; Fengshenggang Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 1984, 82; Gaota Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 1984, 82; Benzhen Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 1984, 83; Wenlü Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 1984, 83; Jülüan Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 1984, 84; Xijiawan Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 1984, 85; Bazhubaxia Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 1984, 87; Mapo Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 1984, 89). Statistik kutipan ini menunjukkan walaupun Muar

merupakan daerah yang kecil, penduduknya tidak pernah ketinggalan dalam Gerakan Penyelamatan Nasional. Malah, ketika Koir Wuhan datang ke Muar untuk melakukan konsert amal, sumbangan penduduk Muar memecahkan rekod kutipan dana di semua tempat yang pernah dikunjungi oleh kumpulan itu, menjadikan Muar “Kawasan Model Pengumpulan Anti-Jepun” (Liu 1984, 593).

Selain kutipan derma, terdapat juga aktiviti lain yang dijalankan. Misalnya, di Batu Pahat, Dewan Perniagaan Cina yang mempelopori penubuhan Tabung Bantuan Perang Negara China cawangan Batu Pahat telah menggerakkan mogok pekerja lombong besi di Seri Medan, memboikot barangan Jepun, menyusun pasukan teknikal untuk berkhidmat di China dan sebagainya (Nian 1984, 589).

Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa sebelum Perang Dunia Kedua, masyarakat Cina di Tanah Melayu, termasuk Johor sangat aktif dalam usaha menyokong China. Kesetiaan dan aktiviti politik mereka, terutama selepas tercetusnya Perang China-Jepun Kedua pada 1937, menjadikan mereka ancaman yang besar bagi Jepun. Penentangan yang mendalam dan aktif ini menandakan mereka sebagai musuh yang berbahaya di mata Jepun. Keadaan ini menyebabkan Jepun berusaha untuk mengawal dan menghukum mereka semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu serta Singapura (Akashi 1970, 61).

Yoji Akashi pula melihat Operasi *Sook Ching* sebagai langkah strategik dalam peperangan. Misalnya, Operasi *Sook Ching* dilancarkan untuk menjaga keselamatan dan kawalan ke atas Tanah Melayu ketika tentera Jepun mengalami kekurangan kekuatan akibat penempatan semula tentera ke kempen lain seperti di Burma dan Sumatera. Penentangan aktif daripada masyarakat Cina menjadikan usaha mengekalkan keselamatan dan kawalan suatu keutamaan pada masa itu. Oleh itu, Jepun perlu meneutralkan sebarang potensi ancaman terhadap kawalan mereka dengan cepat. Jeneral Yamashita iaitu Panglima Tentera Darat Jepun Ke-25 dan pegawai-pegawai beliau juga ingin mewujudkan keselamatan dan ketenteraman secepat mungkin. Tindakan cepat dan tegas dianggap perlu untuk mengelakkan penentangan lanjut dan untuk menyatukan kuasa Jepun di rantau ini. Selain itu, dengan mengambil pengajaran daripada pengalaman mereka di China, di mana Jepun menghadapi cabaran yang ketara dari gerila Cina di China, Yamashita memutuskan serangan pencegahan terhadap masyarakat Cina melalui Operasi *Sook Ching* (Akashi 1970, 67).

Sehubungan itu, Lt. Jeneral Suzuki Sosaku iaitu ketua pegawai kepada Jeneral Yamashita mengeluarkan perintah kepada Mejar Jeneral Kawamura Saburo, Pemerintah Briged Ke-9 untuk menjalankan "hukuman berat terhadap orang Cina yang bermusuhan". Perintah ini diberikan walaupun Suzuki mengakui bahawa Kawamura mungkin tidak bersetuju dengannya, tetapi menekankan bahawa itu adalah keputusan yang dibuat oleh pegawai atasan, Jeneral Yamashita. Mejar Jeneral Kawamura Saburo memahami kebimbangan Yamashita terhadap keselamatan kawasan Syonan-Tanah Melayu. Kawamura menganggap Operasi *Sook Ching* sebagai "langkah yang tidak dapat dielakkan" memandangkan keadaan untuk mengekalkan kawalan dan mencegah penentangan (Akashi 1970, 67). Walaupun bersetuju dengan keperluan Operasi *Sook Ching*, para jeneral Jepun tidak menjangkakan bahawa operasi ini akan mengakibatkan pembunuhan besar-besaran. Kawamura menyampaikan perintah Yamashita kepada Kolonel Oishi, Komander Kempeitai Singapura dan mengarahkan beliau untuk melaksanakan operasi "mengikut surat dan semangat undang-undang tentera", menekankan bahawa keadilan harus menjadi panduan untuk hukuman. Walau bagaimanapun, arahan ini sangat umum dan membenarkan tafsiran yang luas (Akashi 1970, 67). Bagi Manaki, seorang pegawai tentera lain, istilah "hukuman berat" bermaksud menangkap mereka yang mempunyai niat berbahaya dan hanya melaksanakan hukuman selepas kesalahan mereka dibuktikan di mahkamah tentera. Sesetengah pegawai Kempeitai pula mencadangkan meletakkan orang Cina yang bermusuhan dan tidak diingini di kem untuk siasatan terlebih dahulu, daripada melaksanakan hukuman segera (Akashi 1970, 68). Walau bagaimanapun,

seorang pegawai perhubungan antara markas Yamashita dan Kempeitai menolak pendekatan yang lebih lembut ini atas pertimbangan sendiri dan menekankan "hukuman yang berat dan segera". Hal ini menyebabkan Kempeitai tiada pilihan selain melaksanakan tindakan segera dan berat. Ramai tentera, dipenuhi dengan rasa permusuhan yang terpendam terhadap orang Cina, mentafsirkan istilah "hukuman berat" sebagai kebenaran untuk melaksanakan hukuman segera dan melakukan banyak kekejaman (Akashi 1970, 68).

Menurut seorang lagi pengkaji, Ran Shauli, Operasi *Sook Ching* bukan sahaja merupakan usaha membalas dendam, tetapi juga satu *preemptive strike*. Kekerasan terhadap orang Cina berfungsi sebagai amaran keras kepada penduduk tempatan Melayu dan India. Dengan menunjukkan kesediaan mereka untuk menggunakan tindakan melampau terhadap orang Cina, Jepun berharap dapat memaksa orang Melayu dan India untuk bekerjasama. Jepun menawarkan layanan yang lebih baik kepada orang Melayu dan India, yang secara umum dipujuk untuk bekerjasama bagi mengelakkan tahap kekerasan yang sama seperti yang dialami oleh orang Cina (Shauli 2023, 54).

Kesemua faktor yang telah dibincangkan telah menunjukkan perkaitan yang rapat dengan keaktifan masyarakat Cina dalam usaha anti-Jepun. Masyarakat Cina di Johor telah melibatkan diri secara langsung dan tidak langsung dalam usaha perang China terhadap Jepun sejak tahun 1937. Maka, Johor merupakan antara negeri yang menerima kesan paling teruk daripada Operasi *Sook Ching*. Strategi Jepun menggunakan pembunuhan beramai-ramai ini memenuhi pelbagai tujuan seperti membalas dendam, meneutralkan potensi ancaman dan berfungsi sebagai alat intimidasi yang kuat untuk memastikan kepatuhan yang lebih luas dan kawalan ke atas wilayah yang diduduki.

Kekejaman Tentera Jepun Terhadap Masyarakat Cina Di Johor

Operasi *Sook Ching* dimulakan di Singapura pada 18 Februari 1942 iaitu tiga hari selepas Singapura jatuh ke tangan Jepun (Bayly dan Harper 2005, 211). Tentera Jepun menyasarkan lima kumpulan iaitu komunis, sukarelawan, elemen anti-Jepun, perompak atau lain-lain yang mengancam undang-undang dan ketenteraman, serta individu bersenjata atau mereka yang menyembunyikan senjata. Walau bagaimanapun, ramai antara mereka yang terbunuh sebenarnya tidak tergolong dalam mana-mana kumpulan ini (Cheah 2002, 100). Hal ini menunjukkan bahawa skop pembunuhan adalah lebih luas dan melibatkan orang awam yang tidak bersalah atau individu yang tidak terlibat dalam sebarang bentuk penentangan atau aktiviti jenayah. Kemudian, pembunuhan itu merebak ke Semenanjung Tanah Melayu. Menurut Christopher Bayly dan Tim Harper, keganasan tentera Jepun di Johor adalah '*at its bloodiest and most indiscriminate*' (Bayly dan Harper 2005, 214).

Kekejaman dan Pembunuhan ke atas Pemimpin Masyarakat Cina Di Johor

Pemimpin Gerakan Penyelamatan Nasional di Johor telah menjadi sasaran utama Operasi *Sook Ching*. Di Batu Pahat, sebulan selepas Jepun berjaya menakluk, penduduk mula dibenarkan kembali ke bandar dengan syarat mereka mendapatkan Sijil Warganegara Baik (*liangmin zheng*). Kurang daripada sepuluh hari kemudian, tentera Jepun memasuki kawasan bandar dan memulakan tangkapan terhadap pemimpin masyarakat Cina yang terlibat dalam Gerakan Penyelamatan Nasional. Ejen perisik Jepun berbangsa Cina yang bernama Zhu telah pergi dari rumah ke rumah untuk menipu dan menjemput pemimpin tempatan menghadiri mesyuarat yang kononnya bertujuan membincangkan pemulihan keadaan tempatan, tetapi sebenarnya mempunyai niat jahat. Menyedari bahaya yang menanti, para pemimpin masyarakat tidak mempunyai jalan keluar dan akhirnya menyerah diri. Antara pemimpin masyarakat yang ditangkap adalah Zhao Lisheng, Dong Yiquan, Zhang Wenfeng, Liu Zhangpi, Wang Jiluan,

Chen Peihui, Xu Sigong, Lan Bowan, Chen Binghan, Chen Qimu, Zhang Qiongsheng, Chen Yili, Chen Jiehou, Chen Chuanxing, Bai Chengtiao, dan Zhou Xili¹, berjumlah 16 orang, yang kemudiannya dibawa ke markas tentera penjajah (Bahua Jiuji Zuguo Nanmin Weiyuan Hui 1984, 588).

Dalam mesyuarat ini, ketua tentera Jepun di Batu Pahat mengarahkan setiap orang yang hadir untuk mendedahkan lima orang anti-Jepun jika mereka mahu hidup (Nian 1984, 590). Zhao Lisheng, Huang Yiquan, Liu Zhangpi dan Zhang Wenfeng mengetahui niat jahat Jepun dan menolak untuk mengkhianati sesama mereka walaupun diseksa dengan teruk. Malah, Zhao Lisheng mengakui bahawa beliau adalah pemimpin utama usaha penyelamatan nasional. Akibatnya, mereka ditahan dengan lebih ketat. Selepas lebih dua puluh hari dipenjarakan, pada pagi 17 Mac 1942, mereka dibahagikan kepada dua kumpulan dan dibawa ke kawasan terpencil di Jalan Senggarang. Di situ, mereka ditembak dengan mesingan, ditikam dengan bayonet dan mayat mereka dibuang di kawasan lapang (Bahua Jiuji Zuguo Nanmin Weiyuan Hui 1984, 588). Pemandangan yang menyayat hati dan tragis ini sukar digambarkan dengan kata-kata.

Pembunuhan di Batu Pahat ini juga melibatkan pemimpin Cina di Muar. Anggota Tabung Bantuan Perang Negara China termasuk Zhang Kaichuan, Zheng Wenbing, Li Tianci, Zheng Youzhuan, Yan Huihua, Luo Meidong, Lin Binqing, Luo Wenyu, He Yiqian, Lin Chunnong, dan Chen Heshang, semuanya telah ditahan. Mereka “dijemput” ke Batu Pahat untuk menghadiri mesyuarat, tetapi sebenarnya mereka dibawa ke sana untuk pembunuhan beramai-ramai. Kekejaman tentera Jepun tidak terhenti di situ sahaja. Malah, mereka menggunakan cara yang lebih kejam dengan menahan ahli keluarga pemimpin masyarakat dan mengepung rumah-rumah mereka. Ahli keluarga pemimpin-pemimpin ini telah dikumpulkan di Sekolah Chung Hwa bersama lebih daripada 300 orang awam yang ditangkap di bandar. Selepas itu, mereka dibawa ke Bukit Parit Bakar dan dibunuh satu persatu dengan kejam (Liu 1984, 594). Selain itu, Guo Shishan dan Zheng Jinlong yang paling menonjol dalam usaha boikot produk Jepun pula ditangkap dan didera dengan kejam sebelum dibunuh.

Pembunuhan pemimpin masyarakat Cina yang aktif dalam Gerakan Penyelamatan Nasional juga berlaku di Kota Tinggi. Misalnya pengerusi Tabung Bantuan Perang Negara China Sub-cawangan Kangkar Temon Lama, Encik Peng Zhangbang telah dibunuh dengan kejam. Peng dipotong tangan dan kaki sebelum dipenggal kepala (Zhang 1984, 599). Pengerusi Tabung Bantuan Perang Negara China Cawangan Mersing, Encik Jiang Rongshen pula terkenal kerana dedikasinya dalam pendidikan masyarakat dan kerja-kerja amal. Malangnya, disebabkan beliau terlibat dalam pemindahan penduduk di Layang-Layang, beliau ditangkap oleh pasukan tentera Jepun semasa operasi penangkapan kakitangan Tabung Bantuan Perang Negara China di Renggam. Pada 16 Mac 1942, beliau dibunuh di kawasan pergunungan Renggam (Zhang 1984, 602).

Mengapakah tentera Jepun dapat mengenal pasti pemimpin masyarakat Cina yang anti-Jepun dengan mudah? Hal ini memperlihatkan peranan tali barut Jepun yang dikenali sebagai *zougou* (anjing suruhan) dan *hanjian* (pengkhianat bangsa). Misalnya, di Kluang, tentera Jepun keluar mencari dan menangkap pemimpin-pemimpin tempatan serta pejuang anti-Jepun. Dengan panduan pengkhianat, Ye Boqiang, mereka yang bersembunyi di hutan dan lembah yang terpencil tetap sukar untuk terlepas daripada penangkapan (Roufo Bang Huaqiao Jinian Xunnan Qiaobao Tekan 1984, 601).

Ringkasnya, keganasan tentera Jepun terhadap pemimpin masyarakat Cina di Johor menunjukkan bagaimana kekejaman perang tidak mengenal batas, memangsakan pemimpin masyarakat serta keluarga mereka yang tidak bersalah. Tindakan kejam termasuk penangkapan, penyeksaan dan pembunuhan beramai-ramai menunjukkan kezaliman tentera Jepun dan pengkhianatan daripada tali barut berbangsa Cina yang mengenal pasti dan menyerahkan pemimpin Cina kepada pihak Jepun.

Kekejaman dan Pembunuhan ke atas Penduduk Cina Di Johor

Walaupun terdapat ketetapan tentang sasaran kumpulan bagi Operasi *Sook Ching*, dari segi pelaksanaannya, tentera Jepun sering kali melakukan pembunuhan secara sembarangan. Justeru, ramai orang awam, terutama penduduk Cina yang menjadi mangsa operasi ini. Di Johor Bahru, semua penduduk bandar diarahkan untuk berarak melewati satu tiang pintu pagar. Salah satu daripada setiap lima orang diperintahkan untuk keluar, dimuatkan ke dalam trak dan dibawa ke *Civil Service Club* di mana mereka dipaksa menggali kubur mereka sendiri sebelum dibunuh. Penduduk yang lain disusun di sepanjang tepi laut dan ditembak dengan mesingan sehingga mayat mereka jatuh ke dalam air. Selepas insiden itu, bau busuk dari laut berlarutan selama berminggu-minggu dan mayat manusia terus terdampar di paya serta pantai. Aktiviti memancing di kawasan tersebut terhenti untuk tempoh yang lama (Lim 2000, 145). Di kampung-kampung Cina yang lebih kecil pula, dikatakan seluruh komuniti dibunuh, termasuk ramai pelarian dari Singapura (Bayly dan Harper 2005, 214).

Operasi *Sook Ching* juga dilakukan di kawasan lain dalam negeri Johor. Misalnya, Benut, walaupun hanya sebuah pekan kecil, telah menjadi antara kawasan yang paling teruk terkesan (Lin dan Zhang 1991, 420). Pada 20 Februari 1942, pengerusi Jawatankuasa Pemeliharaan Keamanan menyeru penduduk bandar untuk menyambut kedatangan tentera Jepun. Namun, tidak lama selepas mereka bertolak, tentera Jepun sudah kelihatan sedang menunggu mereka. Dalam ketakutan, ada penduduk yang cuba melarikan diri, maka tentera Jepun segera melepaskan tembakan. Penduduk yang tidak dapat melarikan diri terpaksa kembali ke tempat perlindungan mereka di hutan. Tentera Jepun kemudian memperdaya penduduk Cina dengan arahan berkumpul dan mendengar perintah, tetapi akhirnya mereka menangkap semua yang hadir. Lebih dari seribu orang Cina diikat. Semua lelaki ditembak dengan mesingan, sementara wanita dan kanak-kanak ditikam dengan bayonet, dan kanak-kanak kecil dilemparkan ke dalam sungai (Xiao 1984, 593). Jumlah korban dalam pembunuhan di Benut adalah seramai 700-800 orang termasuk mereka yang dibunuh di kawasan perlindungan di Parit Getah. Di Parit Sayang, dua hingga tiga ratus orang dibunuh (Xiao 1984, 593). Bukan itu sahaja, tentera Jepun juga melakukan keganasan seksual ke atas wanita Cina di Benut. Pada 6 Mac 1942, terdapat wanita yang tidak diketahui bilangannya dikurung di sebuah sekolah Melayu sebelum dirogol dan dibunuh tentera Jepun. Golongan lelaki pula ditahan di pasar dan kesemuanya dibunuh (Blackburn dan Hack 2012, 140).

Di Muar, penduduk Cina berada dalam ketakutan selepas penangkapan pemimpin Tabung Bantuan Perang Negara China kerana bimbang diri mereka akan menjadi mangsa berikutnya. Dalam usaha untuk membebaskan pemimpin masyarakat Cina, mereka mengadakan perarakan untuk meraikan kemenangan tentera Jepun. Namun, selepas perarakan besar pada 6 Mac 1942 berakhir, tentera Jepun tiba-tiba melancarkan operasi besar-besaran untuk menahan dan membunuh ramai orang tua dan muda (Hou 2015, 24). Terdapat juga ramai penduduk Cina Muar yang terkorban dalam *Sook Ching* di Kangkar Senanggar yang terletak kira-kira 20 kilometer dari Muar. Ramai pelarian Cina dari Muar berlindung di situ. Mereka dikepung oleh tentera Jepun, dan wanita, kanak-kanak, serta orang tua yang tidak sempat melarikan diri dibunuh dengan kejam, meninggalkan mayat-mayat bertaburan di seluruh kawasan tersebut. Menurut Liu Zhengwen, abang beliau, Liu Zhengquan, bersama isteri dan tiga anak mereka turut terbunuh dalam kejadian ini (Liu 1984, 594).

Kebanyakan kes *Sook Ching* yang dibincangkan setakat ini memaparkan sifat licik tentera Jepun yang memperdaya penduduk Cina untuk berkumpul di tempat yang diarahkan. Hal ini juga berlaku di Kota Tinggi. Dalam usaha untuk memperdaya penduduk Cina, tentera Jepun secara rahsia membunuh seorang individu Cina dan memakaikannya dengan pakaian tentera Jepun. Mereka menampal notis di sebelah mayat tersebut, mendakwa dia adalah seorang tentera Jepun yang dihukum mati kerana salah laku. Tipu muslihat ini membuatkan penduduk Cina berasa selamat dan mendorong ramai yang kembali dari kawasan luar bandar

ke bandar (Simei 1984, 598). Tidak disangka oleh masyarakat Cina Kota Tinggi, pada pagi 23 Februari 1942, pembunuhan besar-besaran bermula di Ulu Tiram, di mana lebih daripada 100 orang dibunuh di pasar. Pembunuhan terus berlaku di sepanjang jalan Kota Tinggi, dengan jumlah korban yang tidak dapat ditentukan. Trak pasukan tentera yang ditandai dengan bendera hitam tiba di bandar. Namun, penduduk tidak curiga dan tidak menyedari bahaya yang mendarang. Pada 24 Februari 1942, pembunuhan diteruskan di pusat penyembelihan babi yang berdekatan dengan bandar. Tentera Jepun menyasarkan lelaki, wanita dan kanak-kanak tanpa pengecualian. Pembunuhan berlangsung selama tiga hari, meninggalkan jalan yang dipenuhi mayat. Beberapa hari kemudian, dikatakan air yang mengalir dari longkang masih berwarna merah kehitaman dengan darah (Simei 1984, 598).

Operasi *Sook Ching* di Kota Tinggi tidak berakhir setakat itu. Pada 28 Februari 1942, tidak kurang daripada 2,000 orang Cina Kota Tinggi telah dibunuh. Menurut saksi-saksi, kanak-kanak dicampak ke udara dan ditusuk dengan bayonet. Wanita hamil pula dikelar perut oleh tentera Jepun (Blackburn dan Hack 2012, 140). Seterusnya, pada pukul 3 pagi 12 Mac 1942, tentera Jepun menghantar sejumlah besar tentera ke Bukit Arang untuk melakukan pembunuhan. Penduduk yang sedang tidur nyenyak tiba-tiba mendengar bunyi tembakan, dan kemudian mereka dikepung serta dibunuh. Sekali lagi Jepun mengabaikan kumpulan sasaran *Sook Ching* yang ditetapkan dan tidak melepaskan wanita dan kanak-kanak. Malah, golongan wanita mengalami penderaan seksual sebelum dibunuh. Pembunuhan ini mengorbankan lebih daripada 200 orang (Yang 1984, 600).

Tentera Jepun meneruskan modus operandi yang sama di Mersing. Jepun mengeluarkan notis untuk menggalakkan penduduk yang berlindung di luar bandar kembali ke tempat asal dan meneruskan kehidupan. Oleh itu, penduduk Cina kembali secara beransur-ansur untuk mencari rezeki. Mulai 29 Februari 1942, Jepun melihat ramai penduduk telah kembali, lalu memutuskan untuk melaksanakan Operasi *Sook Ching*. Mereka menggunakan muslihat pengagihan beras untuk mengelakkan kecurigaan (Zhang 1984, 602). Penduduk Cina yang berharap untuk mendapatkan makanan telah tertipu. Mereka dibunuh di kawasan hutan di belakang hospital kerajaan. Apabila penduduk Cina mengetahui niat jahat Jepun, mereka tidak lagi berani menghadiri apa-apa perhimpunan. Jepun kemudian mencari dan menangkap mereka. Tidak kira lelaki atau wanita, mereka dimasukkan ke dalam beg guni dan dibuang ke dalam sungai atau dibunuh di tepi jalan (Lin dan Zhang 1991, 420). Pembunuhan ini mengakibatkan lebih daripada 400 orang penduduk Cina di Mersing kehilangan nyawa mereka (Zhang 1984, 602).

Di Kluang pula, tentera Jepun melaksanakan polisi "kawalan populasi" (*renkou jie*) dan melakukan *Sook Ching*. Pada tengah hari 2 Mac 1942, tentera Jepun membawa tiga trak penuh dengan tentera menuju ke Kluang dari jalan Batu Pahat. Sepanjang perjalanan, mereka memaksa orang Cina naik ke trak mereka. Penduduk Cina salah sangka bahawa mereka hanya diambil untuk kerja paksa, tidak menyedari bahaya yang menanti (Roufo Bang Huaqiao Jinian Xunnan Qiaobao Tekan 1984, 601). Setibanya di sebuah kawasan yang dikenali masyarakat Cina sebagai *Cilang Shan*, tentera Jepun mengumpulkan penduduk setempat untuk dibunuh.² Kawasan ini berdekatan dengan hutan di mana ramai penduduk berlindung dan menjadi lokasi terbaik untuk Operasi *Sook Ching*. Seperti kawasan lain, tentera Jepun yang kejam telah membunuh penduduk Cina yang tidak berdosa dengan bayonet dan pedang panjang. Pada masa yang sama, mereka membakar semua rumah jerami yang berpenghuni (Roufo Bang Huaqiao Jinian Xunnan Qiaobao Tekan 1984, 601). Tentera Jepun juga menunjukkan sifat zalim yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata apabila mereka menusuk 20 orang kanak-kanak Cina dengan bayonet, mengangkat dan melemparkan mereka ke dalam api (Lin dan Zhang 1991, 420).

Operasi *Sook Ching* juga dilakukan di Gelang Patah. Menurut Ye Quan, pada 5 Mac 1942, anak kedua beliau telah ditahan tentera Jepun semasa ingin membeli barang di Gelang

Patah. Dalam perjalanan untuk menyertai anak beliau, Ye Quan melihat beberapa orang berlari dan bersembunyi, maka beliau menyedari ada sesuatu yang tidak kena lalu melarikan diri. Beliau berjaya melarikan diri ke dalam ladang getah dan mengintip tindakan tentera Jepun. Berikut merupakan penceritaan Ye Quan mengenai Operasi *Sook Ching* yang disaksi beliau.

Pasukan Jepun mengumpulkan semua orang Cina yang tidak sempat melarikan diri, termasuk lelaki, wanita, orang tua, dan kanak-kanak, dan membawa mereka ke tengah bandar. Kemudian mereka dibahagikan kepada dua kumpulan: satu kumpulan ditempatkan di padang rumput di sudut kiri bandar, dan satu lagi kumpulan ditempatkan di tepi sungai. Selepas itu, mereka ditembak dengan mesingan atau dibunuh dengan bayonet. Suara tangisan memenuhi udara, darah mengalir di merata tempat. Pasukan Jepun yang kejam ini, setelah membunuh semua orang Cina yang dikumpulkan, sama ada membuang mayat ke dalam sungai atau ke dalam parit perlindungan yang besar, dan kemudian beredar dari situ. (Ye 1984, 596)

Peristiwa *Sook Ching* ini juga digambarkan dalam satu penceritaan oleh seorang mangsa yang terselamat. Menurut Phuan Soon Joo:

Saya, Phuan Soon Joo, telah tinggal di tapak lama Sekolah Ming Terk di Gelang Patah sejak kecil dan bersekolah di Sekolah Ming Terk sehingga tamat darjah enam. Pada 5 Mac 1942, pasukan berbasikal Jepun muncul di bandar. Saya dan sepupu saya melihat tentera Jepun membawa mesingan dan senapang, menangkap sesiapa sahaja yang mereka jumpai. Orang yang ditangkap diikat tangannya dan dibawa ke parit perlindungan di bukit kecil di tepi jalan atau ke tepi sungai, di mana tentera Jepun menggunakan bayonet dan mesingan untuk pembunuhan beramai-ramai. Sepupu saya ditembak mati, kepala saya dipukul dengan senapang sehingga luka sepanjang enam hingga tujuh inci, dan saya hampir mati. Selepas beberapa jam, barulah saya sedar semula. Kepala saya mengalami kecederaan parah dan saya menanggung kesakitan yang amat sangat (Zhang 2004, 100).

Kedua-dua penceritaan ini menunjukkan Operasi *Sook Ching* bukan sahaja menyebabkan kehilangan nyawa, malah telah meninggalkan trauma secara fizikal dan emosional ke atas ahli keluarga mangsa serta mangsa yang terselamat.

Di Rengit, peniaga Cina menerima arahan untuk kembali berniaga pada pagi 7 Mac 1942 (*Nanyang Siang Pau* 30 Mei 1946). Sesiapa yang mengingkar arahan ini akan diburu dan dihukum bunuh. Oleh itu, ramai penduduk Cina sibuk membuat persediaan untuk memulakan semula perniagaan mereka. Namun, pada pagi 7 Mac, apabila mereka tiba di bandar Rengit, mereka dibawa oleh seorang tentera Jepun ke sebuah kedai runcit yang pada masa itu telah dipenuhi penduduk dan dikurung di situ. Pada pukul 11 pagi, mereka dibawa menaiki 12 trak oleh lima orang tentera Jepun dan dibawa ke Sungai Besar. Di situ, penduduk Cina diperiksa oleh lebih daripada 100 orang tentera Jepun yang bersenjata. Pada masa itu, dua orang diheret keluar, dan selepas dipukul dengan teruk, mereka dipaksa menurunkan tandatangan pada sekeping kertas putih yang menyatakan bahawa mereka adalah ketua kumpulan anti-Jepun. Akhirnya, kedua-dua orang tersebut dipancung, dan *Sook Ching* yang kejam ini pun bermula. Kedengaran bunyi tembakan senapang, bunyi mesingan dan jeritan kesakitan yang berterusan (*Nanyang Siang Pau* 30 Mei 1946).

Kesimpulannya, Operasi *Sook Ching* di Johor adalah salah satu contoh paling kejam dalam sejarah pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Tentera Jepun menggunakan pelbagai

taktik kejam dan licik dalam melaksanakan Operasi *Sook Ching*. Antaranya termasuk memperdaya penduduk Cina untuk berkumpul di tempat tertentu dengan janji keselamatan atau pengagihan makanan, sebelum membunuh mereka secara beramai-ramai. Taktik lain termasuk memaksa orang yang ditangkap untuk menandatangani pengakuan palsu sebagai ketua kumpulan anti-Jepun dan menggunakan bayonet serta mesingan untuk melakukan pembunuhan tanpa belas kasihan.

Tuntutan Keadilan dan Penyiasatan Kes Sook Ching Di Johor

Setelah Jepun menyerah kalah pada Ogos 1945, British telah kembali ke Tanah Melayu dan Singapura. Salah satu tindakan pertama mereka adalah menubuhkan mahkamah pengadilan bagi mengadili penjenayah perang Jepun (Shauli 2023, 50). Dalam usaha ini, kerajaan British telah membentuk Pasukan Penyiasatan Penjenayah Perang untuk menyiasat kekejaman, keganasan dan pembunuhan yang dilakukan oleh tentera Jepun supaya dapat dijadikan bukti untuk mendakwa pihak yang terlibat.

Di Johor, pejabat pasukan ini terletak di tingkat dua Mahkamah Johor Bahru. Pasukan Penyiasatan Penjenayah Perang Johor telah bergerak ke beberapa tempat untuk melakukan siasatan. Dalam hal ini, mereka sangat memerlukan kerjasama daripada persatuan dan pemimpin masyarakat. Salah satu kaedah siasatan mereka termasuklah penggunaan gambar-gambar pegawai tentera Jepun untuk dikenal pasti oleh masyarakat tempatan (*Nanyang Siang Pau* 18 Mei 1946). Dengan ini, testimoni saksi dan mangsa adalah mustahak. Pasukan ini juga menggalakkan anggota masyarakat untuk memberikan maklumat dalam bentuk laporan, terutama dalam bahasa Inggeris. Selain daripada gambar, Pasukan Penyiasatan Penjenayah Perang Johor juga pernah membawa suspek penjenayah perang ke tempat awam untuk dikenal pasti oleh orang ramai. Misalnya, pada 3 Mei 1946, Sarjan Yamaguchi yang telah melakukan pelbagai kekejaman di Johor telah dibawa ke pasar Johor Bahru (*Nanyang Siang Pau* 6 Mei 1946). Sebelum itu, Persekutuan Cina Seberang Laut Johor Baru telah mengeluarkan notis untuk menyeru mana-mana individu yang pernah menyaksikan atau menjadi mangsa kekejaman Jepun untuk tampil bagi membuat laporan. Maka, pada hari tersebut, ramai orang awam yang hadir untuk melihat Sarjan Yamaguchi dan membuat laporan.

Selain Pasukan Penyiasatan Penjenayah Perang yang ditubuhkan oleh kerajaan, usaha menuntut keadilan juga dilakukan oleh masyarakat Cina di Johor. Misalnya, Dewan Perniagaan Cina Batu Pahat telah menyahut saranan akhbar *Nanyang Siang Pau* untuk menubuhkan Majlis Tuduhan Kolektif pada 19 Jun 1946 (*Nanyang Siang Pau* 24 Jun 1946). Majlis ini membentuk agensi perhubungan untuk memperoleh maklumat dari semua daerah dengan harapan mengumpul bukti yang sahih dan mencukupi untuk mendakwa penjenayah perang yang zalim.

Walau bagaimanapun, proses penyiasatan dan pengadilan Operasi *Sook Ching* tidak selancar yang diharapkan. Antara Januari 1946 dan April 1948, Singapura dijadikan tempat berlangsungnya 131 daripada 330 perbicaraan jenayah perang di tanah jajahan British. Jumlah tertuduh yang didakwa adalah sekitar 1,100 orang. Daripada pesalah yang disabitkan kesalahan, 138 telah dihukum gantung di penjara Changi, dan 79 lagi dihukum gantung di Tanah Melayu. Namun, hanya 30 daripada perbicaraan ini menangani jenayah yang dilakukan di Singapura, dengan hanya dua yang menumpukan pada pembunuhan beramai-ramai terhadap orang Cina sedangkan *Sook Ching* di Singapura adalah yang terbesar dan paling serius (Shauli 2023, 50).

Mengapakah usaha untuk mendakwa mereka yang bertanggungjawab atas *Sook Ching* kurang berjaya? Antara sebabnya adalah kekurangan bukti dan saksi. Menurut Thomson iaitu ketua Pasukan Penyiasatan Penjenayah Perang, mereka telah mengumpul banyak gambar tentera Jepun, yang sangat membantu dalam mengenal pasti identiti penjenayah perang. Namun, maklumat yang diterima mereka masih memerlukan bukti dan saksi sebelum boleh

diambil tindakan mahkamah. Dengan itu, pasukan ini meminta semua rakyat di Johor untuk melaporkan secepat mungkin segala kekejaman yang dilakukan oleh pasukan Kempeitai atau pasukan tentera Jepun. Thomson juga mengingatkan penduduk tentang kezaliman Jepun dengan menyatakan pembunuhan yang berlaku di Johor sangatlah tragis dan semua penjenayah perang ini harus diadili atas kejahatan mereka dan tidak boleh dibiarkan bebas tanpa hukuman (*Nanyang Siang Pau* 28 Jun 1946).

Selain itu, saringan dan hukuman mati dijalankan oleh tentera biasa, dan tidak jelas siapa yang mengeluarkan arahan (Kratoska 2018, 322). Tambahan pula, walaupun persepsi Jeneral Yamashita terhadap penduduk Cina di Singapura sebagai ancaman keselamatan menyebabkan beliau mengarahkan Operasi *Sook Ching*, terdapat perdebatan besar tentang apa yang dimaksudkan dengan arahan ini, sejauh mana tindakan tenteranya melampaui niatnya dan siapa yang bertanggungjawab secara keseluruhan. Isu ini menjadi fokus utama perbincangan jenayah perang selepas zaman pendudukan Jepun. Yamashita mendakwa tidak tahu bagaimana perintahnya dilaksanakan. Beliau dihukum gantung atas jenayah lain pada 23 Februari 1946, bukan jenayah yang dilakukan di Tanah Melayu (Bayly dan Harper 2005, 210-211).

Peringatan Tentang Kes Sook Ching Di Johor

Pembunuhan beramai-ramai *Sook Ching* merupakan peristiwa tragis dalam sejarah Johor yang masih diingati dan diperingati oleh masyarakat Cina. Pelbagai monumen dan kubur beramai-ramai telah didirikan untuk memperingati mangsa kekejaman tentera Jepun semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Antaranya, monumen Kebun Teh yang terletak berhampiran dengan tanah perkuburan Jepun. Monumen ini dibina oleh masyarakat Cina sebagai penghormatan kepada lebih daripada 2,000 orang yang dibunuh di Johor Bahru dan kawasan sekitarnya (Blackburn dan Hack 2012, 144). Monumen ini mempunyai inskripsi dalam bahasa Inggeris yang menyoroti pembunuhan dari 25 Februari hingga 31 Mac 1942. Upacara peringatan diadakan dua kali setahun semasa perayaan *Qingming* dan *Chongyang*³ oleh Persekutuan Tionghua Johor Baru, lima organisasi *bang*⁴ (Teochew, Hokkien, Kantonis, Hakka, Hainan), dan Sekolah Foon Yew. Monumen ini berfungsi sebagai kubur beramai-ramai dan kubur simbolik untuk mereka yang mayatnya tidak pernah ditemui (Lim 2000, 146).

Kubur beramai-ramai juga dibina di kawasan lain. Contohnya, kubur beramai-ramai di Mersing mengandungi mayat kira-kira 300 orang yang dibunuh di pantai selepas kejatuhan Singapura. Di Gelang Patah pula, tiga kubur besar mengandungi mayat kira-kira 500 orang yang dibunuh pada Mac 1942, termasuk pelarian dari Singapura yang mencari perlindungan di barat daya Johor. Tanah perkuburan Hokkien di Batu 3, Ulu Choh pula menanam kira-kira 300 orang mangsa *Sook Ching* dari Batu Jeram, Pulaui. Tanah perkuburan di Batu 27 menanam kira-kira 200 orang mangsa dari Kampong Sawa, daerah Bukit Nanas yang dibunuh pada Oktober 1943. Tanah perkuburan Kantonis di Batu 23 dengan mayat mangsa yang tidak diketahui bilangannya dari Kampung Ulu Pulaui (Lim 2000, 147). Seterusnya, kubur beramai-ramai di Ayer Hitam merupakan monumen Cina terbesar di Johor yang mengandungi mayat mangsa *Sook Ching* di kawasan sekitarnya, Muar dan Batu Pahat. Monumen ini dihiasi dengan lambang matahari Kuomintang dan kaligrafi oleh Chiang Ching Kuo (Lim 2000, 148).

Selain itu, masyarakat Cina juga mengadakan pelbagai acara peringatan untuk memperingati pengorbanan dan kehilangan nyawa penduduk Cina semasa Operasi *Sook Ching*. Contohnya, pada 17 Mac 1946, satu acara peringatan besar-besaran telah diadakan di Batu Pahat. Acara ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Peringatan Pendudukan Jepun dan melibatkan ramai wakil dari seluruh Johor. Wakil dari pelbagai kawasan di Johor tiba di Batu Pahat sehari sebelum acara, termasuk ahli-ahli Kumpulan Pemuda San Min Chu-i dari Kluang dan Muar. Pada pagi hari peringatan, semua peserta berkumpul di Dewan Perniagaan Cina dan kemudian dibawa ke tanah perkuburan *Fu Shan Ting* di Jalan Tanjung Labuh. Upacara dimulakan dengan

peserta yang berkumpul di sekeliling altar, dengan tangisan ahli keluarga yang kehilangan orang tersayang mencetuskan suasana sedih dan mengharukan. Tempat peringatan juga dipenuhi dengan sepanduk peringatan dan suasana amat hiba serta serius (*Nanyang Siang Pau* 22 Mac 1946).

Satu lagi acara peringatan yang terkenal ialah upacara tahunan yang diadakan pada 15 Ogos 1995 menandakan 50 tahun berakhirnya perang anjuran Gabungan Pertubuhan-Pertubuhan Cina Negeri Johor. Wakil dari lebih 30 buah persatuan Cina menyertainya, meletakkan kalungan bunga dan mengecam kekejaman perang sambil memberi seruan keamanan. Ritual peringatan seperti doa dibaca, colok dibakar dan arak dipersembahkan semasa upacara ini (Lim 2000, 148). Selanjutnya, terdapat juga aktiviti pendidikan dan komuniti yang diadakan sebagai peringatan *Sook Ching* di Johor. Contohnya, Persekutuan Tionghua Johor Baru telah menerbitkan buku bertajuk *Rikou Zhi Huo --- Huaqiao Xunnan Yilie Shi* (Malapetaka Penjajahan Jepun - Sejarah Pengorbanan Masyarakat Cina Seberang Laut) pada tahun 1947. Persekutuan ini juga mengadakan pameran mengenai perang pada tahun 1994 (Lim 2000, 148).

Kesimpulan

Selepas Perang Dunia Kedua, sumber akhbar Cina menyatakan 25000 hingga 30000 orang Cina telah dibunuh Kempeitai Jepun di Johor manakala Cheah Boon Kheng pula menganggarkan jumlah kematian di Johor, Negeri Sembilan dan Pahang ialah 20000 orang (Cheah 2002, 103). Walaupun angka yang tepat sukar diperolehi, namun kekejaman peristiwa tersebut tidak dapat disangkal. Tindakan kejam yang dilakukan oleh tentera Jepun terhadap masyarakat Cina melalui Operasi *Sook Ching* bukan sahaja mencerminkan kekejaman perang, tetapi juga merupakan strategi tegas Jepun untuk menundukkan dan mengawal masyarakat yang dianggap ancaman kepada pemerintahan mereka. Melalui pembunuhan beramai-ramai, penyeksaan, dan keganasan yang tidak berperikemanusiaan, Jepun berusaha untuk menghapuskan semangat penentangan dan kebangkitan nasionalisme dalam kalangan masyarakat Cina di Johor.

Seperti yang dibincangkan dalam kajian ini, punca pelaksanaan Operasi *Sook Ching* berkait rapat dengan semangat nasionalisme dan aktiviti anti-Jepun yang kuat dalam kalangan masyarakat Cina. Jepun melihat keaktifan ini sebagai ancaman yang perlu ditangani dengan segera dan secara drastik. Operasi ini menyebabkan kehilangan nyawa ribuan orang yang tidak bersalah dan meninggalkan kesan trauma yang mendalam dalam kalangan keluarga serta komuniti yang terjejas. Walau bagaimanapun, operasi ini tidak menghasilkan kesan yang diinginkan kerana tentera Jepun tidak dapat menghapuskan unsur-unsur anti-Jepun dalam kalangan masyarakat Cina.

Kesimpulannya, Operasi *Sook Ching* di Johor adalah satu peringatan yang menyedihkan tentang kekejaman yang boleh berlaku semasa peperangan. Justeru, perlu ditekankan bahawa betapa pentingnya usaha mendokumentasikan sejarah, memperingati mangsa dan memastikan keadilan ditegakkan untuk mengelakkan tragedi yang sama daripada berulang pada masa depan.

Nota

1. Ejaan nama tokoh-tokoh ini bukan ejaan Rumi yang sebenar dan telah ditulis berdasarkan sebutan bahasa Cina.
2. *Cilang Shan* (茨朗山) merupakan nama yang digunakan oleh komuniti Cina tempatan, namun tiada padanan rasmi dalam bahasa Melayu ditemui dalam sumber bertulis.

3. Perayaan *Qing Ming* merupakan perayaan tradisional Cina untuk menziarahi dan membersihkan kubur nenek moyang serta memperingati mereka. Perayaan *Chongyang* pula menekankan penghormatan kepada warga tua sebagai simbol kesihatan dan umur yang panjang.
4. *Bang* merujuk kepada struktur masyarakat Cina berasaskan kumpulan dialek.

Penghargaan

Penulis amatlah berterima kasih kepada para penilai yang dilantik oleh *MINDEN Journal of History and Archaeology* untuk komen-komen yang sangat membina dalam membantu kualiti penulisan ini ditingkatkan.

Rujukan

- Akashi, Yoji. 1970. "Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941 – 1945", *Journal of Southeast Asian Studies*, 1 (2): 61 - 89.
- Bahua Jiuji Zuguo Nanmin Weiyuan Hui 峇华救济祖国难民委员会. 1984. "Bazhu Huaqiao zai Dazhan zhong Suo Zaoyu de Xisheng 峇株华侨在大战中所遭遇的牺牲 [Pengorbanan yang Dihadapi oleh Orang Cina Seberang Laut di Batu Pahat Semasa Perang]". Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937–1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937–1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Bayly, C dan Harper, T. 2005. *Forgotten Armies: Britain's Asian Empire and the war with Japan*. London: Penguin Books.
- Bazhubaxia Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 峇株吧辖区华侨筹赈分会. 1984. "Bazhubaxia Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui Baogao 峇株吧辖区华侨筹赈分会报告 [Laporan Tabung Bantuan Perang Negara China Cawangan Batu Pahat]". Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937–1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937–1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Benzhen Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 笨珍区华侨筹赈分会. 1984. "Benzhen Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui Baogao 笨珍区华侨筹赈分会报告 [Laporan Tabung Bantuan Perang Negara China Cawangan Pontian]". Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937–1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937–1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Blackburn, K dan Hack, K. 2012. *War Memory and the Making of Modern Malaysia and Singapore*. Singapura: NUS Press.
- Blackburn, Kevin. 2000. "The Collective Memory of the Sook Ching Massacre and the Creation of the Civilian War Memorial of Singapore", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 73(2): 71 - 90.
- Cheah Boon Kheng. 2002. "Japanese Army Policy toward the Chinese and Malay-Chinese Relations in Wartime Malaya". Dalam *Southeast Asian Minorities in the Wartime Japanese Empire*. Disunting oleh Kratoska, Paul H. Oxfordshire: Routledge Curzon.
- Cheah Boon Kheng. 2012. *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation of Malaya, 1941-46*, Edisi Keempat. Singapura: NUS Press.

- Fengshenggang Qu Huaqiao Chouzhèn Fenhui 丰盛港区华侨筹赈分会. 1984. “Fengshenggang Qu Huaqiao Chouzhèn Fenhui Baogao 丰盛港区华侨筹赈分会报告 [Laporan Tabung Bantuan Perang Negara China Cawangan Mersing]”. Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937–1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937–1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Gaota Qu Huaqiao Chouzhèn Fenhui 高踏区华侨筹赈分会. 1984. “Gaota Qu Huaqiao Chouzhèn Fenhui Baogao 高踏区华侨筹赈分会报告 [Laporan Tabung Bantuan Perang Negara China Cawangan Kota Tinggi]”. Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937–1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937–1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Hou Shenyi 侯莘怡. 2015. “Lun Mapo Kangri Choukuan Mufanqu (1937-1941) de Jiti Huiyi 论麻坡抗日筹款模范区(1937-1941)的集体记忆 [Kenangan Kolektif tentang Kawasan Model Pengumpulan Dana Anti-Jepun di Muar (1937-1941)]”. Tesis Sarjana Muda, Universiti Tunku Abdul Rahman, 2015.
- Jülüan Qu Huaqiao Chouzhèn Fenhui 居銮区华侨筹赈分会. 1984. “Jülüan Qu Huaqiao Chouzhèn Fenhui Baogao 居銮区华侨筹赈分会报告 [Laporan Tabung Bantuan Perang Negara China Cawangan Kluang]”. Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937–1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937–1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Kratoska, Paul. H. 2018. *The Japanese Occupation of Malaya and Singapore, 1941–45: A Social and Economic History*. Singapura: NUS Press.
- Lim, Patricia Pui Huen. 2000. “War and Ambivalence: Monuments and Memorials in Johor”. Dalam *War and Memory in Malaysia and Singapore*. Disunting oleh Lim, Patricia Pui Huen dan Wong, Diana. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Lin, Yuanhui dan Zhang Yinglong 林远辉、张应龙. 1991. *Xinjiapo Malaixiya Huaqiao Shi 新加坡马来西亚华侨史* [Sejarah Masyarakat Cina Seberang Laut Singapura dan Malaysia]. Guangdong: Guangdong Gaodeng Jiaoyu Chubanshe.
- Liu Zhengwen 刘正温. 1984. “Mapo Lunxian Zhi Cankuang 麻坡沦陷之惨况 [Keadaan Tragis Kejatuhan Muar]”. Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937–1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937–1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Mapo Qu Huaqiao Chouzhèn Fenhui 麻坡区华侨筹赈分会. 1984 “Mapo Qu Huaqiao Chouzhèn Fenhui Baogao 麻坡区华侨筹赈分会报告 [Laporan Tabung Bantuan Perang Negara China Cawangan Muar]”. Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937–1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937–1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Nanyang Siang Pau*, 18 Mei 1946. “Zhanfan Diaochatuan Dao Roufo Zhankai Diaocha 战犯调查团到柔佛展开调查 [Pasukan Penyiasatan Penjenayah Perang Tiba di Johor untuk Menjalankan Siasatan]”
<https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/nysp19460518-1.2.50>
 (diakses pada 27 Jun 2024)

- Nanyang Siang Pau*, 22 Mac 1946. “Roufo Huaqiao Huilei Ku Yingling 柔佛华侨挥泪哭英灵 [Kaum Cina Seberang Laut di Johor Menangis Mengenang Roh Wira]” <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/nysp19460322-1.2.39> (diakses pada 27 Jun 2024)
- Nanyang Siang Pau*, 24 Jun 1946. “Bahua Yi Chengli Jiti Kongsuhui, Wei Sinan Qiaobao Chenyuan 峇华已成立集体控诉会, 为死难侨胞沉冤 [Masyarakat Cina Batu Pahat telah Menubuhkan Majlis Tuduhan Kolektif untuk Menuntut Keadilan bagi Mangsa-mangsa Masyarakat Cina yang Terkorban]” <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/nysp19460624-1.2.53> (diakses pada 27 Jun 2024)
- Nanyang Siang Pau*, 28 Jun 1946. “Roufo Zhanfan Diaochatuan Qibao Baokou Canxing 柔佛战犯调查团期报暴寇残行 [Pasukan Penyiasatan Penjenayah Perang di Johor Berhasrat Mendedahkan Kekejaman Tentera Jepun]” <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/nysp19460628-1.2.61> (diakses pada 27 Jun 2024)
- Nanyang Siang Pau*, 30 Mei 1946. “Chentong De Huiyi - Datusha Zai Longyin 沉痛的回忆 - 大屠杀在龙引 [Kenangan yang Menyayat Hati — Pembunuhan Beramai-ramai di Rengit]” <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/nysp19460530-1.2.62.1> (diakses pada 27 Jun 2024)
- Nanyang Siang Pau*, 6 Mei 1946. “Shankou Juncao Zai Xinshan Shizhong, Huaqiao Gongsuo Tongzhi Shouhaizhe Qinshu Qianlai Zhizheng 山口军曹在新山示众, 华侨公所通知受害者亲属前来指证 [Sarjan Yamaguchi Dipertontonkan kepada Orang Ramai di Johor Bahru; Persatuan Cina Seberang Laut Memaklumkan Waris Mangsa untuk Tampil Membuat Pengecaman dan Keterangan]” <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/nysp19460506-1.2.25> (diakses pada 27 Jun 2024)
- Nian Tiansheng 粘天生. 1984. “Bazhu Emeng 峇株噩梦 [Mimpi Ngeri di Batu Pahat]”. Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945 新马华人抗日史料 1937–1945* [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937–1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Roufo Bang Huaqiao Jinian Xunnan Qiaobao Tekan 柔佛邦华侨纪念殉难侨胞特刊. 1984. “Jüluan Huaqiao Xueshi 居銓华侨血史 [Sejarah Berdarah Orang Cina Seberang Laut di Kluang]”. Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945 新马华人抗日史料 1937–1945* [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937–1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Roufo Huaqiao Chouzhen Zuguo Nanmin Zonghui 柔佛华侨筹赈祖国难民总会. 1984. “Roufo Huaqiao Chouzhen Zuguo Nanmin Zonghui Gaikuang 柔佛华侨筹赈祖国难民总会概况 [Gambaran Umum Tabung Bantuan Perang Negara China Johor]”. Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945 新马华人抗日史料 1937–1945* [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937–1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Shauli, Ran. 2023. “Inside and Outside the Courtroom: Witnessing the Massacres of Chinese in Japanese Occupied Malaya, Singapore, and Rabaul”. Dalam *Witnessing the Witness*

- of War Crimes, Mass Murder, and Genocide*. Disunting oleh Consonni, Manuela dan Nord, Philip Galland. Berlin: De Gruyter.
- Simei 思梅. 1984. "Roufo Gedadingyi de Haojie 柔佛哥打丁宜的浩劫 [Malapetaka di Kota Tinggi, Johor]". Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937-1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937-1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Tan Chee Seng. 2019. "'Sook Ching' 1942 dan Penglibatan Sekolah Menengah Chung Ling Pulau Pinang: Suatu Interpretasi Baru", *Kajian Malaysia*, 37 (1): 51 - 82.
- Wenlü Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 文律区华侨筹赈分会. 1984. "Wenlü Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui Baogao 文律区华侨筹赈分会报告 [Laporan Tabung Bantuan Perang Negara China Cawangan Benut]". Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937-1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937-1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Wu Yuanyao 吴远耀. "Cantong de Huiyi 惨痛的回忆 [Kenangan yang Menyedihkan]". Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937-1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937-1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Xiao Shu 萧述. 1984. "Roufo Da Tuchang --- Wenlü 柔佛大屠场 --- 文律 [Medan Pembantaian Besar di Johor --- Benut]". Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937-1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937-1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Xijiawan Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 昔加挽区华侨筹赈分会. 1984. "Xijiawan Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui Baogao 昔加挽区华侨筹赈分会报告 [Laporan Tabung Bantuan Perang Negara China Cawangan Segamat]". Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937-1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937-1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Xinshan Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui 新山区华侨筹赈分会. 1984. "Xinshan Qu Huaqiao Chouzheng Fenhui Baogao 新山区华侨筹赈分会报告 [Laporan Tabung Bantuan Perang Negara China Cawangan Johor Bahru]". Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937-1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937-1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Yang Yaonan 杨耀南. 1984. "Rijun zai Gedadingyi Shisan Bei Sici Tusha Canshi 日军在哥打丁宜十三碑四次屠杀惨史 [Sejarah Tragis Empat Kali Pembantaian oleh Tentera Jepun di Batu Tiga Belas, Kota Tinggi]". Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937-1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937-1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Ye Quan 叶泉. 1984. "Shangxin Canmu Hua Zhenlin 伤心惨目话振林 [Cerita Tragis dan Menyedihkan tentang Gelang Patah]". Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937-1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937-1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.

- Zhang Jiping 张寄萍. 1984. "Gedadingyi Tusha Jishi 哥打丁宜屠杀纪实 [Catatan Pembunuhan di Kota Tinggi]". Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937-1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937-1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.
- Zhang Lianhong 张连红. 2004. *Rinqi Shiqi Xinma Huaren Shouhai Diaocha* 日侵时期新马华人受害调查 [Survey of the Chinese Victims in Malaya and Singapore Under Japanese Occupation]. Nanjing: Jiangsu Renmin Chubanshe.
- Zhang Yiming 张一明. 1984. "Fengshenggang Tongshi 丰盛港痛史 [Sejarah Tragis Mersing]". Dalam *Xinma Huaren Kangri Shiliao 1937-1945* 新马华人抗日史料 1937-1945 [Malaysian Chinese resistance to Japan 1937-1945: Selected source materials]. Disunting oleh Shu Yun-Tsiao & Chua Ser Koon. Singapura: Cultural & Historical Publishing House Pte. Ltd.

